

Utusan Malaysia

Bekas homeguard meninggal dunia pada usia 114 tahun

- Oleh HARIS FADILAH AHMAD
 - 12 Oktober 2023, 8:39 am

Di usia 114 tahun semangat merdeka tetap di hati Mat Ariffin

Oleh HARIS FADILAH AHMAD
utusannewspaper@mediamulia.com.my

LIPIS: Biarpun sakit tua dan hanya berbaring kerana tidak boleh bangun sejak tiga bulan lalu, bekas pengawal kawasan, Mat Ariffin Mat Deris, 114, masih bersemangat mengingangkan kenangan berjuang semasa pendudukan Jepun, era Darurat 1948 sehingga negara memproklamasi Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Warga emas yang tinggal di Kampung Tanjung Buluh di sini itu merupakan bekas pengawal kawasan yang masih hidup berbanding rakan-rakan lain yang sudah lama meninggal dunia.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Mat Ariffin berkata, dia dilahirkan di Kampung Kunir Merah, Rantau Panjang, Kelantan mula membuat kad pengenalan pada usia lewat, kemudian dipanggil British untuk dilatih sebagai pengawal kawasan ketika berusia 27 tahun.

"Setelah menjalani latihan singkat, kami ditempatkan di Kampung Banggul Cik Wan dan kawasan berdekatan di bawah Balai Polis Meranti," katanya. "Mas di

yang mengajar cara berkawad dan menembak," katanya di sini semalam.

Katanya, penugasan bersama tujuh anggota dalam skuad home guard daripada kira-kira 600 orang dalam kawasan itu berfungsi membantu polis menjaga keselamatan kampung dan ketenteraman awam.

"Komunis memang ramai lebih banyak memantau dan menjaga keselamatan di kampung termasuk sekatan jalan raya, memerlukan kenderaan yang dikhuiatiti menyeludup ke dalam untuk menyerbu

MAT Ariffin Mat Deris hanya mampu berbaring kerana uzur akibat sakit tuis bersama anaknya, Zulkifli (berdiri kiri) memegang Jalur Gemilang di Kampung Tanjung Buluh di Lipis, Pahang. -UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

keselamatan waktu berkenaan malah boleh dikatakan setiap hari berlaku serangan hendap di kawasan kampung saya, berdekatan Rantau Pahang dan kawasan Sungai Golok.

"Saya bersama penduduk lebil banyak memantau dan menjaga keselamatan di kampung termasuk sekatan jalan raya, memerlukan kenderaan yang dikhuiatiti menyeludup ke dalam untuk menyerbu

nas komunis di hutan," katanya. Katanya, banyak peristiwa yang menjadi kenangan, iaitu ketika berusia 18 tahun pernah melihat pendudukan Jepun di Kota Bharu dan diseksa Jepun. "Semangat saya sejak dahulu tak pernah luntur berjuang melawan musuh dan saya menganjurkan anak muda supaya ikut semangat legasi perjuangan pahlawan dan tokoh silam memerlukan rakan air."

KERATAN laporan Utusan Malaysia.

LIPIS: Bekas *homeguard* atau pengawal kawasan era darurat 1948, Mat Ariffin Mat Deris, 114, yang dikatakan paling tua di negara ini meninggal dunia akibat sakit tua di Kampung Tanjung Buluh di sini, kelmarin.

Anaknya, Zulkifli, 50, berkata, kesihatan arwah bapanya mula terjejas dan semakin merosot sejak tiga bulan lalu sebelum meninggal dunia kira-kira pukul 5.30 petang kelmarin.

“Keadaan ayah tenat sejak dua hari lalu dan kami ahli keluarga di sini dan saudara-mara dari Kelantan berkumpul di sisinya sehingga dia menghembuskan nafas terakhir,” katanya di Kampung Tanjong Buluh di sini.

Utusan Malaysia pada 26 Ogos lalu menyiaran kisah perjuangan Allahyarham Mat Ariffin semasa bertugas sebagai *homeguard* menentang Komunis di Sungai Golok dan Pasir Mas, Kelantan bermula era Darurat 1948.

Sejarah pembabitan Allahyarham sebagai *homeguard* bermula pada era darurat 1948 dan kemudian sebagai anggota polis di Balai Polis Meranti berdekatan Pasir Mas sebelum negara merdeka.

Allahyarham bertugas mengawal kampungnya ketika ancaman Komunis di Kampung Kuin Merah, Rantau Panjang dan Kampung Banggul Cik Wan berdekatan Pasir Mas sekitar 1950-an.

Mat Ariffin mempunyai dua isteri, 13 anak berusia antara 45 hingga 76 tahun dan 40 cucu menamatkan tugasnya sebagai *homeguard* setelah pasukan itu dibubarkan pada 1 Julai 1959 apabila pengganas komunis yang berjuang secara gerila meletakkan senjata.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Lipis, Superintenden Azli Mohd. Noor berkata, arwah menjadi salah seorang daripada anggota keluarga angkat Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Lipis kerana mengenang jasanya ketika berkhidmat sebagai *homeguard*.

“Allahyarham Mat Ariffin antara bekas *homeguard* paling tua di negara ini di samping empat rakannya lagi yang berusia antara 80 hingga 100 tahun masih hidup tinggal di Kampung Tanjong Buluh.

“Mereka adalah wira negara yang berjuang semasa era Komunis pada 1948 sehingga 1959. Oleh itu kami menjadikan keempat-empat bekas *homeguard* ini sebagai keluarga angkat IPD Lipis,” katanya.

Ujarnya, Mat Ariffin dianugerahkan sijil penghargaan oleh bekas Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Abd. Jalil Hassan dan Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail sempena sambutan Hari Polis Ke-214 peringkat negeri di Kuala Lipis pada 2021.

– UTUSAN